

>>Oleh ANIZA ZAINUDIN
anizazainudin@hmetro.com.my

KAN di laut, asam di darat, dalam periuk bertemu jua. Demikian perihal jodoh terjalin antara penjawat Ketua Pegawai Eksekutif, Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Datuk Mohd Arif Othman dengan isterinya yang sebenarnya satu pengajian ketika di kolej sebelum bernikah jauh di benua Amerika.

Ketika menuntut di Kolej Pertanian Malaya di Serdang (kini Universiti Putra Malaysia) bagi Diploma Pertanian, tidak pernah terlintas di fikiran Mohd Arif akan memperisterikan wanita manis itu, malah hubungan sekadar rakan biasa.

Tiada siapa menyangka hubungan itu berubah serius ketika di Louisiana, lantas kedua-dua mereka mengambil keputusan mendirikan masjid biarpun tanpa kehadiran keluarga selain doa juga restu mengiringi pasangan berkenaan.

Majlis perkahwinan kecil berlangsung penuh meriah dihadiri rakan senegara bersama keluarga angkat berbangsa 'orang putih' meninggalkan memori terindah dalam hidup Mohd Arif.



KOMUNIKASI...berbincang cara terbaik dalam sistem pengurusan Mohd Arif.

Andai di tanah air, bunga manggar dihias indah, begitu juga ketika majlis resepsi pasangan berkenaan berlangsung di Amerika Syarikat. "Paling tidak boleh dilupakan apabila saya dan isteri meminjam busana persalinan pengantin daripada teman

baru berkahwin yang tiba di Louisiana, dan syukur segala urusan dipermudahkan. "Bak kata orang, rezeki akan bertambah apabila berkahwin, kerana saya kemudian mendapat kediaman khas untuk suami isteri tanpa bayaran berbanding menyewa sebelumnya.

"Disebabkan kami masih muda dan terikat dengan komitmen belajar, saya dan isteri tidak pernah sesekali ambil mudah terhadap amanah diberikan, sebalik saling menyokong," katanya ketika ditemui di pejabatnya. Merungkai kisah kanak-kanak,

IDEA...banyak pembangunan bakal dilaksanakan di MAEPS.



Mohd Arif mengakui dirinya dibesarkan dalam keluarga serba kekurangan dengan pendapatan bapa sebagai tukang kayu di Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk menampung sembilan anak.

Dengan semangat bapa yang inginkan anaknya lebih berjaya

berbanding dirinya, anak sulung ini lebih gigih berusaha, sama ada dalam pelajaran mahupun aktiviti kokurikulum, hingga berjaya terpilih memasuki Sekolah Alam Shah yang ketika itu terletak di Bandar Tun Razak pada 1968.

Pada 1970, ketika di tingkatan

Mohd Arif utamakan restu

Anggap setiap restu dan tindakan dilakukan keluarga bertujuan membantunya, selain ada hikmah tersendiri



>Profil

NAMA: Datuk Mohd Arif Othman
JAWATAN: Ketua Pegawai Eksekutif Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS)
ASAL: Klang, Selangor
ISTERI: Datin Sharifah Baherah Syed Omar
ANAK: Putri Tasnim (31), Putra Taqriz (29), Putri Taqwiim (25) dan Putra Tashmil (20)
PENDIDIKAN: Sarjana Perikanan, Louisiana State University, Amerika Syarikat (1979)



RAKAM... ketika penganjuran Maha 2012.



OPTIMIS... hasrat menjadikan MAEPS sebagai taman perwadahan industri pertanian secara berterusan.



TERCINTA... bersama keluarga tersayang.



DATUK... Mohd Arif memangku cucu pertamanya.

Perlu ikhlas, tak harap ganjaran

Kegiatan?

Saya suka membaca buku berbentuk pengurusan dan menonton wayang bergenre aksi seperti MacGyver, di mana ia menunjukkan daya kreativiti seseorang dalam mengatasi serta menyelesaikan masalah.

Siapa anda secara ringkas?

Saya seorang yang sangat seronok bekerja, membantu orang dan pembersih. Apabila bekerja, saya tidak merasa diri berusia biarpun berumur 60 tahun, malah bekerja membuatkan saya lebih muda. Di rumah, saya akan membantu isteri, terutama soal mengemas, kerana saya mementingkan kebersihan.

Hari bersama keluarga dan aktiviti?

Setiap bulan, keluarga saya mengadakan jamuan kecil-kecilan dan semua anak dan adik-beradik akan turut serta.

Aktiviti kemasyarakatan yang anda sertai?

Saya antara ahli jawatankuasa kebajikan di kediaman di Ampang. Di bawah Skim Rondaan Sukarela (SRS), penduduk secara bergilir-gilir menjaga

keharmonian kawasan dan saya tidak terkecuali menyertainya. Ia sesuatu yang menyeronokkan apabila berpeluang bertemu tetangga.

Saya juga aktif dengan alumni sekolah dan universiti, kami akan mencari peluang untuk bertemu serta saling bertukar cerita.

Sukan kegemaran?

Semestinya bola sepak kerana saya aktif di padang ketika muda. Selain Harimau Malaya, saya mengagumi kelab bola sepak Inggeris termasuk Manchester United, Chelsea, Liverpool dan Arsenal.

Tokoh dikagumi?

Tun Dr Mahathir Mohamad.

Prinsip hidup?

Hidup perlu bersederhana dalam melakukan sesuatu usaha dan doa sangat penting. Lakukan sesuatu pekerjaan dengan ikhlas tanpa mengharap ganjaran seperti termaktub dalam surah al-Fatihah, ayat lima, "Engkaulah saja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah saja kami memohon pertolongan." Insyallah, biarpun rezeki itu kecil, berkatnya besar.



dinaik taraf menjadi Pusat Perancang dan Hal Ehwal Korporat, dan Mohd Arif ditugaskan sebagai pengarah.

Akuinya, ketika berada di Melaka, terlebih dulu lelaki ini didedahkan dengan pelbagai skop kerja membabitkan pengurusan, sekali gus memberi kelebihan kepadanya menggalas jawatan baru.

Apabila Mardi ingin mengikut jejak langkah Sirim Berhad iaitu pengkorporatan, bapa kepada enam cahaya mata ini dihantar ke Manchester, United Kingdom untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang korporat dan peringkat doktor falsafah pada 1996.

Bertahan cuma dua tahun, kegawatan ekonomi dunia pada 1998 dan pembatalan cadangan pengkorporatan Mardi menghentikan pengajian Mohd Arif dan dia dipanggil kembali berkhidmat.

Awal 2000, Mardi menubuhkan unit baru, Pusat Promosi dan Pembangunan Teknologi, dan anak kelahiran Klang ini dilantik menjadi pengarah pertama.

Jawatan terakhir bersama Mardi sebelum bersara adalah Timbalan Ketua Pengarah Pemindahan dan Pengkomersilan Teknologi sejak 2006 hingga 14 Jun 2008.

Namun begitu, pada 2006, Mohd Arif antara individu yang banyak berusaha mengeluarkan idea bagi penubuhan MAEPS bersama Mardi dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, sekali gus dilantik menjadi Ketua Pegawai Eksekutif pertama MAEPS Management Sdn Bhd sebaik saja dia bersara.

"Saya tidak pernah berasa berpuas hati sebagai MAEPS diamanaahkan ke bahu ini. Di sini saya belajar sesuatu yang baru, terutama berkaitan pengurusan manusia, syarikat, aktiviti dan perniagaan.

"Membanggakan apabila MAEPS mampu berdiri sendiri tanpa memerlukan dana kerajaan seperti sebelum ini. Berhasrat menjadi tapak perwadahan secara berterusan, MAEPS bukan saja terbuka kepada industri pertanian dan teknologi, bahkan orang ramai untuk menganjurkan

program dan majlis.

"Bukan saja Pameran Antarabangsa Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (Maha) diadakan dua tahun sekali, kita juga mengalu-alukan acara tahunan seperti Pameran dan Persidangan Komoditi Antarabangsa Malaysia (Miccoss), Malaysia International Tourism Exchange (Mite) dan Pameran Perabot Eksport Malaysia (Efe)," katanya.

Jelasnya, MAEPS masih baru dan dalam proses pembangunan untuk melengkapkannya dengan infrastruktur lebih menarik, termasuk pusat latihan kuda, hotel, resort, taman tema agro serta pasar

hiper agro bagi menjadi satu lokasi pilihan pengunjung sama ada tempatan mahupun antarabangsa.

Taman ekspo berkeluasan 120 hektar ini yang kerap menjadi tumpuan ketika penganjuran Maha, bakal dinaiktaraf struktur jalan raya dalam tempoh dua tahun, sekali gus membuatkan MAEPS lebih strategik untuk dikunjungi.

Merancang menggamit kunjungan antarabangsa, MAEPS teruja apabila dimaklumkan Kementerian Pelancongan bahawa Maha dan MAEPS disenaraikan sebagai lokasi wajib kunjung dalam promosi Tahun Melawat Malaysia 2014.